

# Qalam

Bilangan 89 Jamadilawal 1377 Disember 1957 - 70 sen

## PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH UMUM

Di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu telah dirancangkan bahawa mulai dari tahun 1958 pelajaran-pelajaran agama akan diberi di sekolah-sekolah umum kerajaan (di Singapura di sekolah-sekolah Melayu). Sepanjang yang diberitakan di Persekutuan Tanah Melayu huruf-huruf yang digunakan untuk pelajaran-pelajaran agama itu ialah huruf Jawi; dan dalam masa menyambulkan belajar huruf Jawi itu maka murid-murid diberi dalam pelajaran itu dengan pelajaran-pelajaran agama.

Jika yang demikian ini benar, maka buku-buku pelajaran Jawi yang ada sekarang, yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu dahulu (sekarang sekolah umum) adalah tidak sesuai dan tidak dapat dipakai lagi. Buku-buku pelajaran bercorak baharu yang disesuaikan dengan tujuan itu hendaklah diadakan dengan seberapa segera supaya tahun 1958 hadapan nanti tidak dijadikan sebab bahawa buku-buku untuk mengajar pelajaran-pelajaran agama tidak ada, dan kerana itu rancangan bagi tahun 1958 itu ditangguhkan pula kelak kepada tahun 1959 - ertiinya setahun disesiakan sahaja hal ini.

Sepanjang yang diketahui bahawa sukatan-sukatan pelajaran bagi mengajar pelajaran agama di sekolah-sekolah umum itu

telah dikemukakan kepada raja-raja Melayu tetapi keputusan dan perhatian daripada raja-raja Melayu, yang memegang kekuasaan agama di persekutuan itu tidak berjawab, boleh jadi hingga saat menulis ini sedang tahun 1958 masanya hanya tinggal sebulan lagi. Hal kelengahan ini adalah sangat-sangat didukacitakan. Sepatutnya tidaklah selambat ini benar sukatan pelajaran cuba didiamkan.

Apakah suatu jalan yang baik dalam menyelenggarakan ini? Inilah soalan yang patut kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memikirkannya. Di dalam buku-buku pelajaran agama yang ada, sepanjang yang kita ketahui adalah buku-buku itu kebanyakannya terdiri dari buku-buku yang tinggi yang tidak akan termasuk kepada kanak-kanak yang baharu belajar; dan jika buku itu digunakan di sekolah-sekolah umum sudah tentu ia tidak akan memberi kesan bahkan harus akan menjemu mereka.

Kita berpendapat: Sudah tibalah saatnya, untuk memenuhi kehendak itu buat sementara kerajaan menawarkan kepada penerbit-penerbit Melayu tenaganya di dalam hal ini sehingga dapat kelak buku-buku yang sebenarnya sesuai dengan pelajaran-pelajaran agama bagi tahun 1959 dapat diselenggarakan dalam tahun 1958 nanti. Jika hal ini tidak diperhatikan maka harus kelak rancangan yang dibuat oleh jabatan pelajaran itu akan dituduh orang sebagai suatu langkah yang hanya atau jawapannya untuk menyedapkan perasaan dan hati umat Islam sahaja sedang pelaksanaannya dilalaikan. Mudah-mudahan Dewan Bahasa akan memerhatikan penyelenggaraan atan. Kita berkeyakinan jika bergantung hanya kepada kerajaan sahaja dalam menyelenggarakan buku-buku pelajaran ini kita takut nanti bertahun-tahun pelajaran-pelajaran agama tidak dapat diselenggarakan.